

HISBAH PARAMETERS IN SYARIAH CRIMINAL LEGISLATIVE FRAMEWORK IN MALAYSIA: OVERVIEW OF PREVENTION OF KHALWAT (CLOSE PROXIMITY) CRIMINAL OFFENSES

PARAMETER HISBAH DALAM KERANGKA PERUNDANGAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA: TINJAUAN TERHADAP PENCEGAHAN KESALAHAN JENAYAH KHALWAT

Alias Azhar¹
Muhammad Hafiz Badarulzaman²
Mohammad Azam Hussain³
Fauziah Mohd Noor⁴

¹Prof.Madya, Pusat Pengajian Undang-undang, (UUMCOLGIS) Universiti Utara Malaysia.
Email: az.alias@uum.edu.my

²Pensyarah, Pusat Pengajian Undang-undang, (UUMCOLGIS) Universiti Utara Malaysia.

³Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-undang, (UUMCOLGIS) Universiti Utara Malaysia.

⁴Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-undang, (UUMCOLGIS) Universiti Utara Malaysia.

Accepted date: 29 January 2018

Published date: 1 July 2018

To cite this document:

Azhar, A., Badarulzaman, M. H., Hussain, D. M. A., & Noor, F. M. (2018). Hisbah Parameters in Syariah Criminal Legislative Framework in Malaysia: Overview of Prevention of Khalwat (Close Proximity) Criminal Offenses. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(9), 46–56.

Abstrak: Hisbah merupakan institusi yang terpenting dalam sesebuah masyarakat dan negara. Pihak penguatkuasa adalah merupakan orang yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan keadilan ini. Peranan dan fungsi hisbah diberikan kepada jabatan penguatkuasaan sebagai contoh, Bahagian Penguatkuasaan Syariah, Jabatan Agama Islam di negeri-negeri. Semasa menjalankan tugas, mereka memikul tanggungjawab yang berat kerana itu melibatkan hak Allah S.W.T dan hak manusia. Hisbah bermaksud pelaksanaan al-Amr bi al-Ma'ruf (menyuruh kepada kebaikan) apabila jelas ia ditinggalkan, dan al-Nahy 'An al-Munkar (pencegahan kemungkaran) apabila jelas ia dilakukan. Kajian ini berdasarkan kepada konsep Hisbah dalam Syariah Islamiah yang bersifat umum dan meluas aspek menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kajian literatur dan kepustakaan telah dilakukan secara kondusif bagi menjelaskan prinsip hisbah, jenayah Syariah dan kesalahan khalwat. Selain itu, kajian deskriptif dan analisis kandungan bersifat tekstualiti dilakukan terhadap peruntukan undang-undang dan peraturan serta garis panduan berkaitan parameter pencegahan jenayah syariah negeri-negeri. Secara umum, Negara kita telah melaksanakan konsep hisbah dalam bentuk yang tersendiri tanpa penjenamaan sesebuah institusi secara khusus sebagai "institusi hisbah". Hisbah perlu diinstitusikan secara realistik

dan sistematis sebagai sebuah badan yang menjalankan tanggungjawab yang selari dengan konsep hisbah sebenar dan mampu menjadi rujukan alternatif sebagai pendekatan terbaik yang lebih efektif dalam prosedur penguatkuasaan dan tangkapan kes jenayah khalwat.

Kata kunci: Undang-undang Jenayah Syariah, Khalwat, Hisbah, Penguat kuasa Syariah, Dakwah

Abstract: Hisbah is the most important institution in a society and nation. Enforcement parties are those who are directly involved in executing this justice. The role and function of hisbah is given to the enforcement department as an example, the Shariah Enforcement Division, the Islamic Religious Department in the states. In carrying out their duties, they bear heavy responsibility because it involves the right of Allah S.W.T and human rights. Hisbah implies the implementation of al-Amr bi al-Ma'ruf (commands do good) when it is clear that it is abandoned, and al-Nahy 'An al-Munkar (prevention of evil) when it is clear that it is done. This study is based on the concept of Hisbah in Shariah Law which is of a general and widespread aspect of enjoining good and preventing evil. Literature and library studies have been conducted conducive to clarifying the principles of hisbah, Syariah crimes and khalwat offenses. Additionally, descriptive and content analysis of textual content is done on the provisions of laws and regulations as well as guidelines on the prevention of syariah crime parameters in states. In general, our country has implemented the concept of hisbah in its own form without the branding of an institution specifically as "the institution of hisbah". Hisbah needs to be institutionalized in a realistic and systematic manner as a body that carries out responsibilities in parallel with the concept of real hisbah and can be an alternative reference as the best approach that is more effective in the enforcement and arrest of khalwat crime cases.

Keywords: Syariah Criminal Law, Close Proximity, Hisbah, Syariah Enforcement, Da'wah

Pendahuluan

Pelaksanaan Hisbah dewasa ini cenderung memberi fokus kepada pengawasan individu dan pencegahan daripada melakukan maksiat. Konsep hisbah jelas menunjukkan bahawa setiap individu mempunyai hak untuk tidak dihebahkan maksiat yang dilakukan. Bahkan pelaku maksiat diberikan ruang dan peluang oleh Allah untuk bertaubat atas dosa dan maksiat yang telah dilakukan.

Pada prinsipnya, manusia dihukum berdasarkan kesalahan zahir yang dilakukannya. Sesiapapun tidak diberikan hak untuk mencari rahsia orang lain. Larangan *tajassus* atau mengintip jelas dalam Islam. Tiada seorang pun mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman terhadap kemungkar-an kemungkar yang dilakukan secara sembunyi. Sebabnya, manusia diperintahkan untuk menghakimi apa yang zahir. Adapun hal-hal yang tersembunyi segalanya dalam pengetahuan Allah.

Yusof Al-Qaradawi (1984) menjelaskan bahawa kemungkaran itu mesti nyata dan dilihat. Sekiranya pelaku maksiat atau khalwat melakukannya secara sembunyi dari pandangan manusia dan menutup pintu rumahnya, maka tidak seorang pun boleh mengintip atau merakamnya secara diam-diam dengan menggunakan alat elektronik atau kamera video atau menyerbu rumahnya untuk memastikan kemungkarannya. Situasi seperti ini kerap

berlaku dalam beberapa operasi pencegahan jenayah syariah di Malaysia terutamanya membabitkan tangkapan khawat apabila pegawai bertugas menggunakan alat elektronik untuk merakamkan dan memastikan kemungkaran yang dilakukan oleh seseorang. Oleh itu, operasi pencegahan seperti ini dikhuatiri tidak menepati konsep hisbah sebenar yang digariskan oleh Syarak.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk sosio-perundangan iaitu satu kaedah penyelidikan yang menyatukan dua bidang utama dalam penyelidikan iaitu sains sosial dan undang-undang. Oleh kerana undang-undang dibentuk sebagai mekanisme untuk mengurus hal ehwal dan konflik yang timbul dalam masyarakat sosial, undang-undang mempunyai hubungan yang rapat dan sukar dipisahkan dengan masyarakat (Rohani Abdul Rahim, 2002). Kajian ini akan turut melibatkan penyelidikan secara sistematik ke atas isu-isu perundangan yang baru dan terkini dengan menggunakan keaslian dan kreativiti yang tinggi melalui kaedah perundangan tradisional atau konvensional yakni melibatkan proses menyatakan (stating), menginterpretasi (interpreting) dan menerangkan undang-undang sedia ada (clarifying the existing law) di dalam sesuatu bidang perundangan (Mahdi Zahraa, 1998). Kajian seumpama ini melibatkan perancangan yang sistematis, penyiasatan, pemerhatian, analisis dan teknik yang kritikal. Secara khususnya, kaedah perundangan tradisional ini boleh dibahagikan kepada empat kaedah pula iaitu kaedah falsafah, sejarah, analitis dan kritis serta metod perbandingan (Walker, 1969).

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada dua bentuk utama yang digarap bersama iaitu kualitatif dan deskriptif. Melalui kajian berbentuk kualitatif, penyelidik mengutamakan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan berdasarkan kepada data-data yang dikumpulkan dalam bentuk ayat atau kenyataan yang bukan berbentuk nombor walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Dapatkan yang terhasil daripada reka bentuk ini telah dipaparkan melalui kenyataan atau jadual bersesuaian yang mampu mengukuhkan pemerihalan penyelidik terhadap fenomena yang dikaji. Deskriptif pula, analisis teks dan peruntukan undang-undang Jenayah Syariah negeri-negeri serta peraturan berkaitan turut dibuat analisis kandungan fokus aspek bentuk kesalahan dan hukuman dikenakan ke atas pesalah jenayah khawat.

Bidang kuasa Penguatkuasaan Dan Pencegahan Jenayah Syariah di Malaysia

Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) telah ditubuhkan di setiap negeri sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab terhadap hal-hal yang berkaitan agama. Hal-hal tersebut seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan di dalam Jadual Sembilan, Senarai II-Senarai Negeri, Perenggan 1 adalah seperti berikut:

“...hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin,nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang

yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini...”

Berdasarkan kepada perenggan ini dapatlah difahami bahawa segala peraturan dan undang-undang yang berkaitan hukum syarak dari segi undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam yang tidak termasuk di dalam Senarai Persekutuan akan ditadbir dan diurus oleh JAIN. Secara keseluruhannya, terdapat 14 buah JAIN di Malaysia yang bertanggungjawab terhadap perkara berkaitan agama Islam.

Hampir keseluruhan JAIN mempunyai bahagian yang hampir sama di bawah jabatan masing-masing. Bahagian tersebut mencakupi bahagian dakwah, pengurusan, pendidikan, pengurusan masjid dan surau, penguatkuasaan, pendakwaan dan undang-undang keluarga. Setiap bahagian ini memenuhi kehendak dan semangat yang termaktub dalam perlombagaan (Jadual Sembilan, Perlombagaan Persekutuan). Berdasarkan kepada bahagian-bahagian yang dinyatakan di atas, dapatlah difahami bahawa bidang tugas JAIN adalah seumpama bidang tugas institusi *Hisbah* iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah daripada keburukan. Salah satu bidang tugas utama di dalam JAIN ialah bahagian penguatkuasaan yang bertanggungjawab dalam urusan pencegahan kemungkar dan penguatkuasaan hukum syarak.

Enakmen kesalahan jenayah yang paling baru diperkenalkan ialah negeri Kedah pada tahun 2014 iaitu Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014 dan enakmen yang paling lama diperkenalkan ialah Kelantan iaitu Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Enakmen 2 Tahun 1985).

Wilayah Persekutuan merupakan satu-satunya negeri yang menggunakan akta berdasarkan kepada faktor sejarah dan perlombagaan. Kesemua enakmen ini digunakan oleh bahagian penguatkuasaan negeri masing-masing bagi menguatkuasakan hukum syarak. Kewujudan bahagian ini merupakan nadi penting yang turut wujud di dalam institusi *Hisbah*.

Bahagian penguatkuasaan ini akan diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan dan disokong oleh Penolong Penguat kuasa Agama (PPA). PPA merupakan staf tetap di bawah JAIN negeri masing-masing dan dibantu oleh Pegawai Masjid. Pegawai masjid terdiri di kalangan *Naqib* Masjid, Imam, Imam Ratib, Bilal dan Pembantu Bilal (Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007). Di dalam institusi *Hisbah* pegawai-pegawai penguatkuasaan ini dikenali sebagai *Muhtasib*. Setiap *Muhtasib* mempunyai syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi. Hal yang sama turut diaplikasikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk setiap JAIN bagi memastikan setiap PPA tertakluk kepada beberapa peraturan dan undang-undang.

Undang-undang Dan Peraturan Penguatkuasaan

Peraturan dan undang-undang tersebut antaranya ialah Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007, Kod Etika Pegawai Penguat kuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2008 dan Arahan Ketua Pendakwa Syarie 2011. Arahan-arahan di atas ini merupakan garis panduan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah yang telah dikeluarkan oleh pihak Bahagian Penyelarasaran Penguatkuasaan Undang-undang di bawah JAKIM hasil usaha secara bersama oleh JAIN seluruh Malaysia.

Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007

Arahan Tetap ini merupakan penjelasan dan huraian kepada Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Jenayah Syariah yang berkuat kuasa di negeri masing-masing. Ia merupakan satu arahan pentadbiran yang perlu dirujuk dan diikuti oleh semua PPA dalam menjalankan tugas. Arahan ini mengandungi beberapa bahagian yang terdiri daripada bahagian pendahuluan, tatacara penerimaan maklumat, tatacara menjalankan siasatan, tatacara berkaitan penyediaan kertas siasatan, penyediaan laporan kes, pengendalian benda yang disita, bahagian am dan jadual pertama berkaitan cadangan kandungan kertas siasatan.

Kod Etika Pegawai Penguat kuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2008

Kod etika ini merupakan satu garis panduan yang digubal dengan tujuan memastikan penguatkuasaan undang-undang Syariah dapat dijalankan secara lebih beretika, berdisiplin dan selari dengan kehendak undang-undang serta menepati kehendak hukum syarak. Selain itu, kod ini diharapkan dapat diseragamkan di peringkat negeri serta dapat mengangkat prinsip *al-amr bil makruf wa nahu anil munkar* dengan lebih efisyen, telus dan berkesan. Kod ini mengandungi beberapa bahagian iaitu bahagian nama, pemakaian, tatakelakuan umum, tatakelakuan khusus dan bahagian am. Bahagian yang penting dalam kod ini ialah bahagian tatakelakuan umum dan khusus. Tatakelakuan umum menggariskan tentang keperluan tatakelaku yang perlu ada bagi setiap PPA sebelum menjalankan tugas dalam kehidupan seharian dan semasa tempoh perkhidmatan sebagai PPA. Manakala tatakelakuan khusus berkaitan tatakelaku yang perlu wujud dalam setiap PPA semasa menjalankan tugas *al-amr bil makruf wa nahu anil munkar*.

Arahan Ketua Pendakwa Syarie 2011

Arahan ini merupakan satu garis panduan bagi tugas pendakwaan undang-undang syariah yang dibuat untuk semua Pendakwa Syarie seluruh Malaysia. Arahan ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Ketua Penguat kuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie seluruh Malaysia dan Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia.

Kandungan arahan ini merangkumi 8 bahagian iaitu bahagian permulaan, penyediaan buku daftar dan buku rekod, penerimaan dan penyemakan kertas siasatan, prinsip pendakwaan, penyediaan pertuduhan, prosiding pendakwaan dan perbicaraan, rayuan dan bahagian am. Secara prinsipnya, arahan ini banyak merujuk kepada Pendakwa Syarie dan bukannya PPA. Namun beberapa peruntukan dalam arahan ini perlu diikuti oleh PPA antaranya rekod penghantaran dan penerimaan kertas siasatan dari Bahagian Penguatkuasaan, semakan kertas siasatan dari sudut perintah siasatan dari Ketua Pegawai Penguat kuasa, borang maklumat PPA dan laporan penyiasatan PPA.

Peranan menguatkuasakan undang-undang ini akan dimainkan oleh PPA apabila menerima aduan. Aduan tersebut boleh dibuat oleh siapa saja yang mengetahui perbuatan yang tidak bermoral dan bertentangan dengan undang-undang syariah. Aduan yang dibuat akan dianggap sulit dan tidak didedahkan kepada umum. Aduan boleh dibuat secara bertulis dan lisan. Pengadu boleh datang sendiri ke Bahagian Penguatkuasaan dan mengisi borang aduan. Selain itu, pengadu juga boleh membuat aduan menerusi telefon, sms, surat, emel, faksimili, laporan polis atau seumpamanya dan semua cara aduan tersebut akan diubah dalam bentuk tulisan.

Undang-Undang Berkaitan Kesalahan Jenayah Khalwat Di Malaysia

Di Malaysia, peruntukan berkaitan dengan kesalahan jenayah khalwat adalah terkandung dalam enakmen-enakmen yang boleh dilihat dalam Jadual 1 berikut:

Negeri	Enakmen	Kategori	Peruntukan
Perlis	Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Enakmen 4 Tahun 1993)	Bahagian II- Kesalahan-Kesalahan	Seksyen 9. Khalwat
Kedah	Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kedah)1988 (Enakmen 9 Tahun 1988)	Bahagian II- Kesalahan-kesalahan	Seksyen 9. Khalwat
Pulau Pinang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 (Enakmen 3 Tahun 1996)	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 27. Khalwat
Perak	Enakmen Jenayah (Syariah) 1992, Perak (Enakmen 3 Tahun 1992)	Bahagian VI - Kesalahan Berhubungan Dengan Maruah Diri	Seksyen 54. Khalwat
Selangor	Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9 Tahun 1995)	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 29. Khalwat
Wilayah-Wilayah Persekutuan	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559)	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 27. Khalwat
Negeri Sembilan	Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 (Enakmen 4 Tahun 1992)	Bahagian IV - Kesalahan Darihal Kesalahan Mengenai Kehormatan Diri	Seksyen 61. Percubaan persetubuhan haram.
Melaka	Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 (Enakmen 6 Tahun 1991)	Bahagian IV - Kesalahan-Kesalahan Lain	Seksyen 53. Bersekediaman.
Johor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Johor (Enakmen 4 Tahun 1997)	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 27. Khalwat.
Pahang	Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Enakmen 8 Tahun 1982)	Bahagian IX - Kesalahan	Seksyen 145. Bercumbuan atau berkhawat.
Terengganu	Enakmen 7 Tahun 2001 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 31. Khalwat
Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985 (Enakmen 2 Tahun 1985)	Bahagian II - Kesalahan-Kesalahan	Seksyen 9. Khalwat
Sarawak	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak) (Ordinan 46 Tahun 2001)	Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 24. Khalwat
Sabah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (Sabah) (Enakmen 3 Tahun 1995)	Bahagian IV – Kesalahan	Seksyen 84. Khalwat

Jadual 1: Undang-undang berkaitan kesalahan jenayah khalwat di Malaysia

Jadual di atas memperlihatkan bahawa keseluruhan negeri di Malaysia (100%) mempunyai peruntukan berkaitan dengan kesalahan jenayah khalwat. Berlaku perbezaan dalam mengkategorikan kesalahan jenayah khalwat antara negeri-negeri. Enam buah negeri (42.86%) meletakkan kesalahan jenayah khalwat di bawah kategori kesalahan-kesalahan secara umum. Manakala enam buah lagi (42.86%) mengklasifikasikannya sebagai kesalahan

yang berhubung dengan kesusilaan. Dua buah negeri lagi (14.28%) mengklasifikasikannya sebagai kesalahan berhubungan dengan maruah/kehormatan diri. Ini digambarkan dalam Jadual 2 di bawah.

Negeri	Kategori
Perlis, Kedah, Melaka, Pahang, Sabah dan Kelantan	Kesalahan-kesalahan
Pulau Pinang, Selangor, Wilayah-wilayah Persekutuan, Johor, Terengganu dan Sarawak	Kesalahan yang berhubung dengan kesusilaan
Perak dan Negeri Sembilan	Kesalahan berhubungan dengan maruah/kehormatan diri

Jadual 2: Kategori kesalahan jenayah khalwat

Selanjutnya, wujud perbezaan istilah yang digunakan bagi merujuk kepada jenayah khalwat antara negeri-negeri di Malaysia. Majoriti negeri, iaitu 11 buah negeri (78.57%) secara jelas menggunakan istilah “khalwat” kepada peruntukan-peruntukan berkaitan. Manakala tiga buah negeri yang lain, Negeri Sembilan menggunakan istilah “Percubaan persetubuhan”, Melaka menggunakan istilah “Bersekediaman” dan Pahang menggunakan “Bercumbuan atau berkhalwat”. Ini digambarkan dalam Jadual 3 di bawah.

Negeri	Istilah
Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah-wilayah Persekutuan, Johor, Terengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah	Khalwat
Negeri Sembilan	Percubaan persetubuhan haram.
Melaka	Bersekediaman.
Pahang	Bercumbuan atau berkhalwat.

Jadual 3: Istilah yang digunakan bagi jenayah khalwat

Kesimpulan awal, walaupun wujud perbezaan aspek definisi, kategori dan terma kesalahan khalwat yang terkandung dalam perundangan syariah negeri-negeri, namun ia masih selari pentakrifan syarak secara prinsip. Selain itu, pentafsiran dan penguatkuasaan jenayah khalwat perlu seiring dengan prinsip syarak agar matlamat pencegahan jenayah tersebut dapat direalisasikan dengan penuh hikmah dan berkesan.

Bentuk Hukuman Kesalahan Jenayah Khalwat

Berdasarkan kepada keseluruhan undang-undang yang berkuat kuasa di negeri-negeri di Malaysia, keseluruhan 14 buah negeri (100%) mempunyai peruntukan berkaitan dengan hukuman bagi kesalahan jenayah khalwat. Secara umumnya dapat diperhatikan, terdapat 3 bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada pesalah yang disabitkan dengan jenayah khalwat iaitu;

- (a) didenda dengan wang ringgit;
- (b) dipenjarakan; dan
- (c) dimasukkan ke rumah kebajikan atau pusat pemulihan akhlak.

Jadual 4 berikut menjelaskan secara keseluruhan bentuk-bentuk hukuman yang wujud dalam peruntukan-peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa bagi setiap negeri di Malaysia.

Negeri	Bentuk Hukuman	Kesalahan
Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Terengganu, Johor dan Sarawak	Denda tidak melebihi RM3000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.	Semua bentuk kesalahan jenayah khalwat
Negeri Sembilan	Denda tidak melebihi RM3000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.	Semua bentuk kesalahan jenayah khalwat
	Dimasukkan ke suatu pusat pemulihan akhlak selama suatu tempoh tidak melebihi dua tahun.	Pesalah perempuan.
Perlis	Denda tidak melebihi RM5000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.	Semua bentuk kesalahan jenayah khalwat
	Dimasukkan ke suatu rumah kebajikan selama suatu tempoh 3 tahun.	Pesalah perempuan
Kelantan, Kedah dan Sabah	Denda tidak melebihi RM2000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Seorang lelaki dengan seorang perempuan; 2. Seorang perempuan dengan seorang lelaki.
	Denda tidak melebihi RM1000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Seorang lelaki dengan lebih daripada seorang perempuan; 2. Seorang perempuan dengan lebih daripada seorang lelaki.
	Dimasukkan ke suatu rumah kebajikan selama tempoh tiga tahun.	Pesalah perempuan
Melaka	Denda tidak lebih daripada RM3000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dari 24 bulan atau kedua-duanya sekali.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Seorang lelaki dengan seorang perempuan; 2. Seorang lelaki dengan lebih daripada seorang perempuan; 3. Seorang perempuan dengan seorang lelaki.
	Denda tidak melebihi RM2000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 24 bulan atau kedua-duanya sekali.	Seorang perempuan dengan seorang lelaki
Pahang	Denda tidak lebih daripada RM1000.00 atau penjara tidak lebih dari 6 bulan atau kedua-duanya. Jika didapati salah pada kali yang keduanya dan yang berikutnya maka ia bolehlah dihukum pada tiap-tiap kali ia didapati bersalah itu dengan didenda tidak lebih daripada RM2000.00 atau penjara tidak lebih daripada 1 tahun atau kedua-duanya.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Seorang lelaki dengan seorang perempuan; 2. Seorang perempuan dengan seorang lelaki; 3. Seorang lelaki bersekedudukan dengan seorang perempuan; 4. Seorang perempuan bersekedudukan dengan seorang lelaki; 5. Mana-mana lelaki atau perempuan yang bersubahat.

Jadual 4: Bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah khalwat di negeri-negeri di Malaysia

10 buah negeri (71.43%) iaitu, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah-wilayah Persekutuan, Terengganu, Johor, Sarawak, Negeri Sembilan, Perlis dan Pahang tidak membezakan bentuk-bentuk kesalahan jenayah khalwat bagi menentukan sesuatu hukuman yang boleh dikenakan. Manakala empat buah negeri (28.57%) iaitu Kelantan, Kedah, Sabah dan Melaka membahagikan bentuk-bentuk hukuman berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan sebagaimana dijelaskan dalam jadual di atas. Dalam hal ini, negeri Kelantan, Kedah dan Sabah mempunyai peruntukan yang sama.

Dapat diperhatikan keseluruhan 14 buah negeri (100%) mempunyai hukuman berbentuk denda dengan wang ringgit dan juga dipenjarakan. Namun hanya 5 buah negeri (35.71%) sahaja yang memperuntukkan hukuman dimasukkan ke rumah kebajikan atau pusat pemulihan akhlak yang hanya dikhususkan kepada pesalah wanita. Bagi hukuman denda dan penjara, undang-undang membenarkan mahkamah untuk memilih salah satu hukuman untuk dikenakan kepada pesalah atau mengenakan kedua-dua bentuk hukuman iaitu denda dan juga dipenjarakan. Mahkamah juga diberi kebenaran untuk memerintahkan pesalah perempuan untuk dimasukkan ke mana-mana rumah kebajikan atau pusat pemulihan akhlak bagi negeri-negeri yang mempunyai peruntukan sedemikian. Berbanding dengan negeri lain, hanya negeri Pahang sahaja (7.14%) yang mempunyai peruntukan berkaitan dengan kesalahan untuk kali kedua bagi mana-mana kesalahan jenayah khalwat. Demikian juga hanya negeri Pahang (7.14%) yang mempunyai peruntukan bagi mana-mana orang sama ada lelaki atau perempuan yang bersubahat dalam kesalahan jenayah khalwat.

Bagi hukuman denda, dapat diperhatikan berlaku perbezaan antara negeri-negeri terhadap jumlah yang boleh dikenakan terhadap pesalah. Ini boleh dilihat dalam Jadual 5 berikut:

Negeri	Jumlah Denda	Kesalahan
Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Terengganu, Johor dan Sarawak, Negeri Sembilan	Denda tidak melebihi RM3000.00	Semua bentuk kesalahan jenayah khalwat
Perlis	Denda tidak melebihi RM5000.00	Semua bentuk kesalahan jenayah khalwat
Kelantan, Kedah dan Sabah	Denda tidak melebihi RM2000.00	<ol style="list-style-type: none"> Seorang lelaki dengan seorang perempuan; Seorang perempuan dengan seorang lelaki.
	Denda tidak melebihi RM1000	<ol style="list-style-type: none"> Seorang lelaki dengan lebih daripada seorang perempuan; Seorang perempuan dengan lebih daripada seorang lelaki.
Melaka	Denda tidak lebih daripada RM3000.00	<ol style="list-style-type: none"> Seorang lelaki dengan seorang perempuan; Seorang lelaki dengan lebih daripada seorang perempuan; Seorang perempuan dengan seorang lelaki.
	Denda tidak melebihi RM2000.00	Seorang perempuan dengan seorang lelaki
Pahang	Denda tidak lebih daripada RM1000.00 Jika didapati salah pada kali yang keduanya dan yang berikutnya maka ia bolehlah dihukum pada tiap-tiap kali ia didapati bersalah itu dengan didenda tidak lebih daripada RM2000.00.	Semua bentuk kesalahan.

Jadual 5: Bentuk-bentuk hukuman denda

Berdasarkan kepada jadual di atas, dari segi hukuman denda yang boleh dikenakan oleh mahkamah, dapat diperhatikan, negeri Pahang memperuntukkan denda maksimum yang paling rendah yang boleh dikenakan bagi semua bentuk kesalahan jenayah khalwat iaitu tidak

melebihi RM1000.00 bagi kesalahan kali pertama. Sesuatu yang unik bagi negeri Pahang ialah meletakkan hukuman bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya. Dalam hal ini, negeri Pahang menetapkan denda maksimum RM2000.00 kepada pesalah-pesalah terbabit. Manakala Negeri Perlis dilihat mempunyai jumlah denda maksimum tertinggi yang boleh dikenakan oleh mahkamah bagi semua bentuk kesalahan jenayah khalwat iaitu denda maksimum tidak melebihi RM5000.00 jika disabitkan bersalah. Majoriti negeri meliputi negeri Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Terengganu, Johor dan Sarawak, Negeri Sembilan, menetapkan denda maksimum sebanyak RM3000.00 bagi semua bentuk kesalahan berkaitan jenayah khalwat.

Sementara itu, peruntukan denda maksimum bagi 4 buah negeri lain adalah berbeza jumlahnya berdasarkan kepada bentuk kesalahan yang dilakukan. Bagi negeri Kedah, Kelantan dan Sabah, ketiga-tiga buah negeri ini memperuntukkan denda maksimum sebanyak RM2000.00 bagi kesalahan jenayah khalwat melibatkan seorang lelaki dengan seorang perempuan dan sebaliknya. Manakala hukuman denda maksimum RM1000.00 bagi kesalahan yang melibatkan seorang lelaki dengan lebih daripada seorang perempuan dan seorang perempuan dengan lebih daripada seorang lelaki. Manakala negeri Melaka pula didapati jumlah denda maksimum RM3000.00 boleh dikenakan bagi kesalahan jenayah khalwat melibatkan seorang lelaki dengan seorang perempuan, seorang lelaki dengan lebih daripada seorang perempuan, dan seorang perempuan dengan seorang lelaki. Sementara itu hukuman denda tidak melebihi RM2000.00 dalam kes jenayah khalwat melibatkan seorang perempuan dengan seorang lelaki.

Bagi hukuman penjara pula, secara umumnya terdapat perbezaan antara negeri-negeri bagi tempoh maksimum hukuman penjara yang boleh dikenakan bagi pesalah yang disabitkan dengan jenayah khalwat. Perkara ini dijelaskan dalam Jadual 6 berikut:

Negeri	Bentuk Hukuman Penjara	Kesalahan
Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Terengganu, Johor, Sarawak, Negeri Sembilan dan Melaka	Selama tempoh tidak melebihi 2 tahun.	Semua bentuk kesalahan jenayah khalwat
Perlis	Selama tempoh tidak melebihi 3 tahun.	Semua bentuk kesalahan jenayah khalwat
Kelantan, Kedah dan Sabah	Selama tempoh tidak melebihi 1 tahun.	1. Seorang lelaki dengan seorang perempuan; 2. Seorang perempuan dengan seorang lelaki.
	Selama tempoh tidak melebihi 6 bulan.	1. Seorang lelaki dengan lebih daripada seorang perempuan; 2. Seorang perempuan dengan lebih daripada seorang lelaki.
Pahang	Selama tempoh tidak lebih dari 6 bulan. Kesalahan kali kedua dan berikutnya, penjara tidak lebih daripada 1 tahun.	Semua bentuk kesalahan jenayah khalwat.

Jadual 6: Bentuk-bentuk hukuman penjara

Dapat diperhatikan tempoh hukuman penjara maksimum adalah selama tidak melebihi 3 tahun sebagaimana diperuntukkan oleh negeri Perlis bagi semua bentuk kesalahan. Manakala tempoh yang paling pendek adalah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang di negeri Kelantan, Kedah, Sabah dan Pahang. Bagi negeri Kelantan, Kedah dan Sabah, jenayah khalwat yang melibatkan seorang lelaki dengan lebih daripada seorang perempuan dan seorang perempuan dengan lebih daripada seorang lelaki boleh dikenakan hukuman penjara dengan tempoh tidak melebihi 6 bulan. Negeri Pahang dilihat sebagai negeri yang meletakkan hukuman penjara paling ringan yang boleh dikenakan kepada pesalah jenayah khalwat jika disabitkan pada kali pertama iaitu selama tempoh tidak melebihi 6 bulan. Namun negeri itu menetapkan tempoh maksimum tidak melebihi 1 tahun sekiranya seseorang pesalah itu disabitkan untuk kali kedua dan seterusnya.

Dapat diperhatikan majoriti negeri-negeri di Malaysia menetapkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun boleh dijatuhkan oleh mahkamah jika disabitkan bersalah. Ini melibatkan negeri Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Terengganu, Johor, Sarawak, Negeri Sembilan dan Melaka bagi semua bentuk kesalahan jenayah khalwat. Sementara itu hanya 3 buah negeri meliputi Kelantan, Sabah dan Kedah yang membahagikan hukuman penjara yang berbeza berdasarkan kepada bentuk kesalahan jenayah. Dalam hal ini, ketiga-tiga buah negeri terbabit memperuntukkan tempoh maksimum hukuman penjara yang tidak melebihi 1 tahun dalam kes jenayah khalwat melibatkan seorang lelaki dengan seorang perempuan dan seorang perempuan dengan seorang lelaki. Manakala bagi kesalahan jenayah khalwat melibat seorang lelaki dengan lebih daripada seorang perempuan dan seorang perempuan dengan lebih daripada seorang lelaki, hukuman penjara maksimum yang boleh dikenakan adalah untuk tempoh tidak melebihi 6 bulan.

Kajian juga mendapati sebanyak 5 buah negeri (35.71%) mempunyai peruntukan hukuman tambahan kepada pesalah perempuan. Negeri-negeri terbabit iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, Sabah dan Negeri Sembilan. Ini boleh dilihat dalam Jadual 7 berikut:

Negeri	Bentuk Hukuman
Negeri Sembilan	Dimasukkan ke suatu pusat pemulihan akhlak selama suatu tempoh tidak melebihi dua tahun.
Perlis	Dimasukkan ke suatu rumah kebajikan selama suatu tempoh 3 tahun.
Kelantan, Kedah dan Sabah	Dimasukkan ke suatu rumah kebajikan selama tempoh tiga tahun.

Jadual 7: Hukuman tambahan kepada pesalah wanita

Dalam hal ini, undang-undang membenarkan Mahkamah untuk mengeluarkan perintah terhadap mana-mana pesalah perempuan untuk dimasukkan ke rumah kebajikan atau pusat pemulihan akhlak untuk tempoh tertentu. Namun dilihat berlaku perbezaan berkaitan tempoh yang dikenakan.

Bagi negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Sabah, Mahkamah boleh memerintahkan pesalah terbabit dimasukkan ke rumah kebajikan selama tempoh 3 tahun. Manakala Negeri Sembilan, pesalah boleh diperintah untuk dimasukkan ke Pusat Pemulihan Akhlak untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun.

Penutup

Perbuatan zina adalah haram dan perkara-perkara yang merupakan *muqaddimah* kepadanya, seperti khalwat dan sesetengah perbuatan tidak sopan adalah haram. Hukuman yang setimpal untuk kesalahan ini adalah dalam bentuk hukuman takzir, sebagaimana yang telah dipersetujui oleh para ulama dan dinyatakan juga dalam Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia.

Dalam konteks undang-undang jenayah syariah, penguatkuasaan dan pendakwaan berpaksikan akta/enakmen tatacara jenayah syariah yang jelas mengandungi segala aspek tatacara berkaitan tindakan-tindakan bagi kesalahan yang dilakukan. Dengan peruntukan yang sedia ada, pihak penguat kuasa dan pihak pendakwa tidak akan tersasar dalam melaksanakan tugas masing-masing. Bidang kuasa penguatkuasaan jenayah Syariah khususnya kesalahan jenayah khalwat adalah tertakluk kepada bahagian penguatkuasaan, jabatan agama Islam negeri-negeri. Secara umumnya, bidang kuasa ini merupakan sebahagian tanggungjawab hisbah secara umum.

Rujukan

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559)
Al-Qaradawi, (1984)*Min Fiqh al-Daulah fi al-Islam*, Kaherah: Dar al-Syuruq.
Anwarul Yaqin. 2007. *Legal research writing*. Malaysia: LexisNexis.
Enakmen Jenayah (Syariah) 1992, Perak (Enakmen 3 Tahun 1992)
Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Enakmen 4 Tahun 1993)
Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9 Tahun 1995)
Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 (Enakmen 4 Tahun 1992)
Enakmen Kanun Jenayah Shariah (Negeri Kedah) 1988 (Enakmen 9 Tahun 1988)
Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985 (Enakmen 2 Tahun 1985)
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 (Enakmen 3 Tahun 1996)
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 (Enakmen 7 Tahun 2001)
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (Sabah) (Enakmen 3 Tahun 1995)
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997 (Enakmen 4 Tahun 1997)
Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 (Enakmen 6 Tahun 1991)
Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Enakmen 8 Tahun 1982)
Mahdi Zahraa. 1998. *Research methods for law postgraduates overseas students*. Univision: Glasgow.